

ورتابليا

WARTABELIA

YOUTH NEWS

SUKARELAWAN BELIA EDISI 5
28hb November 2020 M | 12 Rabiulakhir 1442 H

*Sekalung Tahniah Graduan
Sukarelawan Belia*

سوکاریلاون بلیا

SUKARELAWAN
BELIA



Seuntai Kata

Yang Berhormat,

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setiausaha Haji Awg. Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awg. Othman

Menteri Hal Ehwal Ugama



Alhamdullillah, kita telah menyaksikan satu kerjasama sejak di awal pandemik COVID19, iaitu bukan sahaja terdiri dari barisan Sukarelawan Belia berdaftar di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS), tetapi juga melibatkan pelbagai barisan sukarelawan merangkumi Angkatan Bersenjata, Polis dan Bomba. Pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama amat menghargai penglibatan mereka selaku barisan hadapan.

Saya selalu berfikir tentang kesinambungan Sukarelawan Belia selepas musim pandemik. Penglibatan kerja sosial haruslah dipertimbangkan, terutamanya dari segi menangani isu kemiskinan. Kita memerlukan tenaga untuk menyelidiki penduduk-penduduk yang berkeperluan dan tidak tersenari sebagai penerima bantuan sama ada di bawah Majlis Ugama Islam, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, agar agihan bantuan sampai kepada mereka. Seterusnya, pekerja sosial yang boleh memberikan motivasi juga diperlukan agar mereka yang dhaif itu dibimbing dengan semangat hidup yakin diri, bersemangat mencari pekerjaan, motivasi anak-anak bersekolah dan sebagainya, demi mencapai keadaan hidup yang baik.

Saya juga melihat Sukarelawan Belia ditubuhkan dengan cara yang teratur. Melalui cara ini, mereka dapat dikerahkan untuk persediaan sekiranya berlaku bencana alam, seperti banjir khususnya. Pada waktu bencana seumpama inilah, tenaga belia diperlukan untuk membantu. Justeru itu, pentingnya para sukarelawan dilatih bagi diperlengkapkan dengan pengetahuan atau kemahiran tertentu ketika bila-bila bencana atau kecemasan berlaku. Melalui kaedah ini, peranan sukarelawan dapat diperkembangkan lebih jauh lagi.

Dalam Islam, kita telah dididik dengan sikap pemedulian. Contohnya, sikap tanggungjawab seorang ketua negara terhadap rakyatnya dan sebaliknya rakyat terhadap ketua negara. Seorang guru terhadap pelajarnya. Ibubapa terhadap keluarganya dan sebagainya. Islam itu telah mendaraskan tanggungjawab kita masing-masing, dan nilai tanggungjawab inilah perlu digarap dalam kesukarelawanan sebagai satu ibadah. Setiap perkara yang baik dan memberikan manfaat kepada orang lain adalah digalakkan dalam Islam, dan setiap perkara yang digalakkan Islam adalah diyakini mendatangkan pahala. Niatkanlah untuk keberkatan di dunia dan balasan baik di akhirat. Mudahan sumbangan bakti terus menjadi saham amal soleh di akhirat kelak. Oleh itu, pentingnya kita tanai semangat keimanan ini.

Sungguh membanggakan melihat barisan sukarelawan itu terdiri dari pelbagai latar belakang, sama ada dari pelajar, lepasan sekolah atau graduan, hingga mereka yang sudah mempunyai pekerjaan. Saya berharap semangat sukarelawan terus hidup dalam jiwa masyarakat kita, agar sama-sama membawa manfaat kepada umat, bangsa dan negara. Belia-belia adalah harapan bangsa, lambang masa depan negara. Gunakanlah kesempatan sebaiknya sama ada dari segi pendidikan, peluang kemahiran atau pengetahuan. Menimbalah ilmu sebaik-baiknya yang dapat dimanfaatkan untuk menyumbang kepada masyarakat. Suatu peluang yang baik dan diperlakukan dengan cara yang baik, pasti mendatangkan faedah yang baik. Maka baiklah ia secara keseluruhan sifatnya, yang membawa imbalan baik bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat.



Muhammad Khairul Hazwan bin Jaton

Petugas Media dan Perhubungan Awam Sukarelawan Belia Daerah Belait yang telah menerima Ijazah Sarjana Pengajaran (Master of Teaching) Universiti Brunei Darussalam



Lim Siao Suan (Flora)

Penolong Ketua Pangkalan Data Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan, Sains Bioperubatan. Universiti Brunei Darussalam



Nurul Amal Hana Ahlina Wardina Athirah Muntassir

Sekretariat II Bahagian Unit Pentadbiran Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan, Sains Bioperubatan. Universiti Brunei Darussalam



Mohammad Ashmeer s/o Imtiaz Ahmad

Ketua Pusat Operasi Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Kesihatan, Sains Bioperubatan. Universiti Brunei Darussalam



Mohammad Hanif Muqri bin Haji Sufri

Pegawai Perhubungan II Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, pengajian Sejarah dan Antarabangsa. Universiti Brunei Darussalam



Muhamad Muzhafar bin Mezlan

Ketua Pengambilan Sukarelawan Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, Bahasa Melayu & Linguistik. Universiti Brunei Darussalam



Dk Nur Ameera Sadatul Mubaarak

Petugas Pusat Pengasingan Hotel dan Pengagihan Pencen Tua Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Logistik. Universiti Brunei Darussalam



Nur Firuz Najibah binti Haji Md Yussof

Petugas Pusat Pengasingan Hotel yang telah menerima Ijazah Sarjana Sains Halal Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Sekalung Tahniah Graduan Sukarelawan Belia

Tahniah kepada para Sukarelawan Belia yang telah menerima ijazah di Majlis Konvokesyen mereka dari universiti-universiti tanahair pada baru-baru ini. Perjuangan pembelajaran bukanlah mudah tetapi kejayaan seorang graduan adalah pencapaian hidup yang bererti. Para graduan dikalangan sukarelawan ini menunjukkan betapa Sukarelawan Belia itu terdiri daripada pelbagai kejayaan dan pencapaian. Semoga para graduan kita ini mempunyai kerjaya, kehidupan dan masa depan yang cerah, serta diberkati dan dirahmati oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala jua.

Aamiin Aamiin ya Rabbal Alamin.



Muhammad Hafiz bin Hj Hamzulani

Petugas Sukarelawan bagi Solat Fardhu Jumaat yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Syariah Universiti Islam Sultan Sharif Ali



Nur Afiqah Wasimah Awang Yahya

Petugas Pusat Pemeriksaan Hospital RIPAS Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, Sosiologi dan Antropologi. Universiti Brunei Darussalam



Awangku Muhammad Zulariffin bin Pengiran Hashim

Ahli Jawatankuasa Kerja Sumbangan Pandu Lalu Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pengajian Geografi, Alam Sekitar dan Perkembangan. Universiti Brunei Darussalam



Khairunisa Hafizah Binti Haji Mahmud

Ahli Jawatankuasa Kerja Operasi Bahagian Pusat Pengasingan & Pegawai Perondaan Pusat Kesihatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, Sosiologi dan Antropologi Universiti Brunei Darussalam



Ampuan Muhammad Hanis Safwan bin Ampuan Haji Sulaiman

Ketua Pengurusan Tenaga Kerja II Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sains Kimia Universiti Brunei Darussalam.



Siti Nur Hanisah binti Haji Jamudin

Ahli Jawatankuasa Kerja Sumbangan Pandu Lalu Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pengajian Alam Sekitar. Universiti Brunei Darussalam



Mohammad Dzulqawi Qaweim bin Roslan

Pegawai Perhubungan I Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia yang telah menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera, Pengajian Sejarah dan Antarabangsa. Universiti Brunei Darussalam

Sukarelawan Belia

MENJUNJUNG KASIH ATAS PENGURNIAAN ELAUN KHAS

Alhamdullillah, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan kerendahan hati penuh hormat dan takzim mewakili keseluruhan Sukarelawan Belia menghadap kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik, menyampaikan sembah ucapan setinggi-tinggi Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas Pengurniaan Elaun Khas kepada barisan Sukarelawan Belia. Para sukarelawan akan berterusan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dalam usaha menangani pandemik wabak COVID19, bersama para barisan hadapan, In Shaa Allah. Menjunjung Kasih atas keprihatinan dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kepada barisan sukarelawan ini.



Sukarelawan Belia TERUS BERKHIDMAT DI HOSPITAL DAN PUSAT-PUSAT KESIHATAN



Walaupun pandemik COVID19 di Negara Brunei Darussalam sedang mereda, seluruh dunia masih dalam keadaan yang membimbangkan. Justeru itu, negara kita masih melaksanakan langkah-langkah kewaspadaan. Kira-kira keseluruhanya sejumlah 140 orang sukarelawan bertugas setiap hari di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan seluruh daerah, kecuali pada penghujung minggu, hanya melibatkan kira-kira 70 orang tenaga Sukarelawan Belia, memandangkan beberapa lokasi pusat kesihatan tidak beroperasi pada hari berkenaan.

"Saya mula bertugas di Hospital Suri Seri Begawan sejak bulan Ogos. Tugasan di hospital secara peribadi banyak mengajar saya dari segi kemahiran berinteraksi secara formal dan profesional, yang dapat dimanfaatkan untuk masa depan. InsyaAllah. Diantara tugas yang diberikan adalah membantu menjadi sumber rujukan bagi para pengunjung hospital sama ada pelawat atau pesakit, memastikan mereka mengimbas kod QR BruHealth atau mengisi borang daftar kemasukan (bagi mereka yang tidak mempunyai aplikasi BruHealth), membuat pemeriksaan suhu badan, selaku *runner* barisan hadapan bagi ujian swab dengan membantu dari segi pendaftaran nama-nama mereka yang menjalankan ujian, membawa pesakit ke bahagian SARI (*Severe Acute Respiratory Infections*), membantu bahagian kecemasan hospital membawa keputusan perubatan ke makmal dan lain-lain tugas yang berkenaan," jelas Rachel Anak Saka, salah seorang Sukarelawan Belia yang bertugas di Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait.

Diantara lokasi-lokasi hospital dan pusat-pusat kesihatan seluruh Brunei bagi Daerah Brunei Muara, yang masih menggunakan khidmat Sukarelawan Belia adalah Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Pusat Kesihatan Muara, Pusat Kesihatan Berakas, Pusat Kesihatan

Gadong, Pusat Kesihatan Sg. Besar, Pusat Kesihatan Ong Sum Ping, Pusat Kesihatan Bunut, Pusat Kesihatan Sg. Asam, Pusat Kesihatan Sengkurong dan Pusat Kesihatan Pangkalan Batu. Bagi Hospital dan Pusat-Pusat Kesihatan Daerah Tutong pula, merangkumi Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Pusat Kesihatan Pekan Tutong, Pusat Kesihatan Sg. Kelugos, Pusat Kesihatan Lamunin dan Pusat Kesihatan Telisai. Manakala, bagi Daerah Belait adalah Hospital Suri Seri Begawan, Pusat Kesihatan Kuala Belait, Pusat Kesihatan Seria dan Pusat Kesihatan Sg. Liang.



SUKARELAWAN UMPAMA KELUARGA



"Saya melihat Sukarelawan Belia banyak memberikan kerjasama yang baik bersama kakitangan-kakitangan kesihatan. Mereka mempunyai disiplin dan dedikasi. Walaupun sukarelawan bukanlah warga tetap kakitangan kesihatan, tetapi berkerja bersama telah menjalankan semangat kekeluargaan. Mereka umpama adik-beradik bagi saya, yang menceriakan hari-hari bertugas. Teruslah berbakti, berjiwa prihatin, dan membantu masyarakat kita yang memerlukan. Terima kasih atas sumbangan demi sumbangan," ucap Hajah Rokiah bin Haji Bujang, salah seorang Pembantu Jururawat Hospital RIPAS yang berkerja bersama Sukarelawan Belia.

Sukarelawan Belia DARI HEMAT KETUA KAMPUNG

Sukarelawan Belia sejak bulan Mac telah dihantar ke kampung-kampung di seluruh Daerah Brunei (kecuali Daerah Tutong, yang tidak memerlukan bantuan sukarelawan) bagi membendung penularan wabak COVID19, sekaligus melancarkan urusan pembahagian Pencen dan Elaun Kebajikan bulanan. Mereka telah membantu Ketua-Ketua Kampung bagi memudahkan tugas mereka. Oleh itu di ruangan ini, Warta Belia merungkai hemat wakil Ketua-Ketua Kampung setiap daerah yang pernah berkerja bersama para sukarelawan.



PEMBANTU DI HARI PENGAGIHAN


"Saya menggunakan kaedah pengagihan pencen dan elaun dengan penghantaran rumah ke rumah bagi usaha mengurangkan perkumpulan dan mempraktikkan penjarakan sosial. Para Sukarelawan Belia merupakan pembantu di hari pengagihan dengan mengikut saya rumah ke rumah, untuk mendapatkan tandatangan penerima, sementara saya melaksanakan pembahagian kewangan. Dengan ini, proses pengagihan lebih cepat dan mudah. Keberadaan sukarelawan sememangnya meringankan tugas saya," jelas Mohamad Asyramisyanie bin Kamis, Ketua Kampung Kulapis.

Menurut beliau, kerjasama Sukarelawan Belia telah bermula sejak bulan April hingga bulan Ogos di setiap 28 haribulan, iaitu hari penerimaan pencen dan elaun kebajikan. Melalui pengagihan rumah ke rumah ini, sering juga orang-orang kampung memberikan sedikit saguhati sebagai penghargaan kepada sumbangan sukarelawan.

"Kenangan berharga bagi saya setentunya dari segi sikap kerjasama, perkongsian pengalaman serta saling memahami sesama sukarelawan. Sebagai manusia, kita perlu mengerti kesulitan dalam masyarakat dan bersyukurlah atas yang telah dikurniakan kepada kita dan keluarga. Melalui kesyukuran inilah, kita dapat memperbaiki diri dan membawa kebajikan kepada masyarakat. Walau sumbangan kecil, tetapi ia membawa makna yang bererti. Terima kasih Sukarelawan Belia."

SUKARELAWAN AGEN PERUBAHAN

"Sukarelawan bagi saya adalah agen perubahan yang membawa kemaslahatan kepada masyarakat, sama ada dari segi kesihatan atau keselamatan. Keberadaan mereka dalam membantu menangani penularan wabak COVID19 amatlah terserlah. Saya berharap, disamping membantu Kerajaan, para sukarelawan tidak lupa saling ingat mengingati, jaga diri dan kesihatan," ujar Haji Muhammad Yusof bin Haji Dulamin, Ketua Kampung Mumong.



Menurutnya, Sukarelawan Belia bukan sahaja terlibat dalam membantu pengagihan pencen dan elaun kebajikan di Kampung Mumong, tetapi juga turut membantu semasa penyerahan kurma kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada bulan Ramadan. Beliau melihat para Sukarelawan Belia telah menjadikan proses kerja lebih teratur dan efisien, dengan menepati prosedur penjarakan sosial di musim pandemik ini.

"Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Sukarelawan Belia atas bakti murni mereka dalam memeduli masyarakat kitani. Pengorbanan tenaga mereka amatlah dihargai," ucapan Haji Muhammad Yusof ikhlas.



KITA JUMPA BULAN DEPAN

Itulah kata-kata yang sering diucapkan oleh Haji Moslim bin Haji Salleh, Ketua Kampung Rataie kepada para sukarelawan setiap kali tamat tugas penyerahan Pencen dan Elaun Kebajikan. Menurutnya, Kampung Rataie mula menggunakan khidmat sukarelawan sejak 28hb Mac 2020.

"Bagi menangani penularan wabak, Sukarelawan Belia telah membantu mengawal pintu masuk dan keluar, membuat catatan nama-nama penerima bagi urusan penyerahan Pencen dan Elaun Kebajikan, menjaga penjarakan sosial, serta membantu dari segi kerja-kerja penyerahan dengan memanggil nama-nama penerima. Kehadiran mereka ini setentunya amat membantu menjadikan sesi penyerahan Pencen dan Elaun Kebajikan sangat tersusun," ucapan Haji Moslim.

Beliau turut mengungkapkan rasa senang berkerja bersama sukarelawan yang berjiwa prihatin, dengan memberikan makanan tapau dan minuman kepadanya. Setiap kali habis tugas, beliau tidak pernah lupa mengucapkan terima kasih atas sumbangan para sukarelawan dan sedia menanti kedatangan mereka di bulan depan.

WARTA DAERAH


Sukarelawan Belia

Setakat hari ini, sejumlah 2,382 orang telah berdaftar di bawah Sukarelawan Belia, naungan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Sukarelawan Belia terus giat berjuang di persada Darussalam.

SUKARELAWAN BERTUGAS DI LOKASI UJI SWAB COVID19

BRUNEI MUARA - Sejumlah kira-kira 10 orang Sukarelawan Belia bertugas setiap hari di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) sebagai pusat lokasi bagi pelaksanaan Uji Swab SARS-CoV-2 atau dikenali Wabak COVID19. Pusat Uji Swab berkenaan beroperasi jam 7.00 pagi hingga 10.00 malam kecuali pada hari-hari kelepasan awam.

Antara peranan Sukarelawan Belia yang bertugas adalah (1) mengeluarkan keputusan ujian swab yang telah disahkan oleh kakitangan-kakitangan Kementerian Kesihatan, (2) menyediakan peralatan-peralatan seperti PPE dan sebagainya untuk kegunaan Petugas Kesihatan sebelum masuk ke kawasan pengujian swab, (3) membantu menjadi rujukan bagi orang ramai atau pesakit yang hendak melakukan ujian, (4) menyediakan fasiliti-fasiliti seperti meja dan kerusi, (5) mendaftar masuk dan keluar serta membuat inventori bagi barang-barangan logistik, dan (6) menghantar makanan ke pusat-pusat pemeriksaan serta wad-wad yang berkenaan untuk para sukarelawan dan jururawat yang bertugas, dan lain-lain.



"Alhamdullillah, sepanjang bertugas di sini, saya dan rakan seperjuang rasa bersyukur dapat menimba suatu pengalaman baru dengan menjadi tenaga sokongan bagi Kementerian Kesihatan. Disamping dapat memperluaskan rangkaian jalinan persahabatan bersama mereka yang di barisan hadapan, seperti doktor-doktor, jururawat-jururawat serta para Sukarelawan Belia. Saya kagum dengan sikap saling hormat-menghormati antara sesama kita tanpa mengira usia, latar, dan kerjaya," ucapan Mohamad Shahruni Haji Sarbini, salah seorang sukarelawan yang bertugas di Kompleks Sukan, Hospital RIPAS.

Menurutnya, selepas uji swab telah dilaksanakan, para sukarelawan akan mendapat senarai keputusan daripada Petugas Kesihatan untuk dimaklumkan kepada mereka yang telah pun melakukan ujian, iaitu biasanya mengambil masa dalam beberapa hari. Dalam sehari kira-kira sejumlah 200 sampel ujian swab dilaksanakan.

TERLIBAT MERAIKAN SAMBUTAN HARI KANAK-KANAK SEDUNIA 2020



BRUNEI MUARA - Sejumlah lima orang Sukarelawan Belia terlibat menjayakan acara sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia kali ke-14, yang bertempat di *The Colonnade, Jerudong Park Playground*, pada pagi Sabtu, 21hb November 2020. Acara ini dikelolakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan tema sambutan '*reimagine a better world*'. Hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2020 ialah Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Turut hadir ialah Yang Mulia Yang Mulia Dato Paduka Dr Haji Junaidi bin Haji Abdul Rahman, Pesuruhjaya Hal Ehwal Kanak-Kanak dalam *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of Women and Children (ACWC)*, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua-Ketua Jabatan serta pegawai-pegawai kerajaan dan Persatuan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Disamping itu, seramai lebih kurang 110 orang kanak-kanak dari Sekolah Ugama Arab Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Sekolah Arab Rimba, Sekolah Antarabangsa Brunei (ISB), Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Rendah Chung Hwa, Sekolah Rendah Sengkurong, Sekolah Rendah Jerudong, Sekolah Menengah Sayyidina Hassan, Sekolah Menengah Sayyidina Hussein serta Pusat Bahagia Brunei Muara dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam telah hadir bagi sama-sama meraikan acara sambutan tersebut.

Dalam memeriahkan lagi sambutan, variasi aktiviti telah diadakan pada hari tersebut. Antaranya adalah senamrobik, aktiviti berbentuk permainan interaktif, sukan bola sepak, seni bela diri dan sebagainya yang berbentuk pembangunan sosial, fizikal, mental, kerohanian, pendidikan, kesenian dan kebudayaan, disamping beberapa pameran dari pelbagai perkhidmatan, demonstrasi dan pemberitaan mengenai kepentingan kanak-kanak.

Sukarelawan Belia berperanan dari segi persiapan logistik, pemecahan belon-belon bagi acara perasmian sambutan dan mengendalikan permainan-permainan interaktif yang disediakan oleh Jerudong Park. Turut rakan kerjasama menjayakan sambutan adalah Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, KKBS; Dewan Bahasa dan Pustaka, KKBS; Pusat Pembangunan Belia (PBB), KKBS, Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM); Majlis Kebangsaan Orang Kelainan Upaya (MKOKU), Buzzing Bees, Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT), National Football Association Brunei Darussalam (NFABD), dan juga pihak Jerudong Park Playground.

UNIT LAPANGAN TERBANG KEMBALI AKTIF



BRUNEI MUARA - Sukarelawan Belia Bahagian Unit Lapangan Terbang kembali aktif semula sejak 6hb Oktober 2020, setelah penutupannya pada bulan Mei lalu, atas keperluan tenaga sukarelawan bagi membantu mengendalikan ketibaan penumpang-penumpang ke Negara Brunei Darussalam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Sejumlah kira-kira 25 orang penglibatan tenaga sukarelawan, yang diketuai oleh Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit, selaku Ketua Operasi Bahagian Unit Lapangan Terbang Sukarelawan Belia.

Diantara tugas utama para sukarelawan dalam melancarkan ketibaan penumpang-penumpang ke negara ini adalah (1) memastikan para penumpang telah melengkapkan dokumen-dokumen perjalanan, termasuk telah mengisi borang *Entry Travel Pass (ETP)*, (2) menyemak nama-nama penumpang yang tiba di negara ini dan memastikan nama mereka ada dalam senarai ETP yang sudah diluluskan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri, serta (3) mengiringi para penumpang ke kenderaan-kenderaan yang sudah disediakan oleh pihak hotel. Disamping itu, terdapat juga sukarelawan yang berkebolehan berbahasa Cina, berkhidmat sebagai penterjemah bahasa sekiranya terdapat penumpang kurang fasih dalam bahasa Inggeris dan Melayu.

PENGENDALIAN KOD QR DI JABATAN PENGANGKUTAN DARAT



BRUNEI MUARA - Dalam memperkuatkan lagi pengawalan penularan wabak COVID19 di negara ini, pada 10hb Oktober 2020 hingga 31hb Oktober 2020, sejumlah enam orang sukarelawan telah ditugaskan secara tetap di Jabatan Pengangkutan Darat dari jam 8 pagi hingga jam 4.30 petang. Tugas mereka merangkumi kerja-kerja mencatat data kenderaan yang masuki Negara Brunei Darussalam, membuat Kod QR untuk nombor plat kenderaan-kenderaan pendaftaran asing, melekatkan Kod QR berkenaan pada kenderaan-kenderaan, pengembanan pengesahan Kod QR kepada para pemohon dan sebagainya.

PENGAGIHAN DERMA PANDU LALU



BRUNEI MUARA - Kempen Derma Pandu Lalu Sukarelawan Belia edisi dua masih giat dijalankan. Perkembangan catatan terkini penyerahan derma adalah sejumlah 354 set pengagihan bagi Daerah Brunei Muara, 7 set pengagihan bagi Daerah Tutong, 68 set pengagihan di Daerah Belait dan 44 set pengagihan di Daerah Temburong telah berjaya dilaksanakan. Sasaran penerima adalah warga dimensia, warga emas, warga susah, anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal, mangsa bencana, asnaf fakir miskin, warga mualaf dan lain-lain latar masyarakat yang berkeperluan.

Bagi orang ramai yang ingin memberikan sumbangan, pusat operasi kempen ini dilaksanakan di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah setiap hari Khamis hingga Ahad, pada jam 11 pagi hingga 5 petang, kecuali hari Jumaat 9 pagi hingga 11 pagi, dan 2 petang hingga 5 petang. Antara barang yang diperlukan adalah makanan asasi harian, makanan-makanan tin, minuman kordial, barang pembersihan serbaguna dan sebagainya. Setiap barang derma akan disusun mengikut set-set sebelum diserahkan kepada penerima. Sebaik sahaja set derma cukup untuk diagihkan, ahli jawatankuasa kerja sumbangan derma pandu lalu Bahagian Unit Kemasyarakatan Sukarelawan Belia akan turun ke lokasi-lokasi penerima untuk menyerahkan sumbangan.

KAJI SELIDIK WARGA EMAS



BELAIT - Pada 24hb Oktober 2020, sejumlah 6 orang Sukarelawan Belia, dengan kerjasama 5 orang kakitangan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah melaksanakan kaji selidik warga emas kepada 26 keluarga di Ulu Belait merangkumi kawasan Labi, Mendaram dan Teraja. Penyelidikan ini bagi tujuan penyerahan bantuan derma yang akan dilaksanakan oleh Persatuan Warga Emas Brunei, berkerjasama dengan Sukarelawan Belia berdasarkan keperluan dan keadaan penerima berkenaan. Justeru itu, segala maklumat latar keluarga, kewangan, suasana tempat kediaman dan permasalahan mereka dicatat untuk tindakan selanjutnya.

CATATAN TERKINI PENGLIBATAN MASJID

BRUNEI MUARA & BELAIT - Catatan terkini Sukarelawan Belia bertugas di masjid-masjid bagi Solat Fardhu Jumaat adalah kira-kira 40 tenaga sukarelawan. Lokasi masjid-masjid yang masih menggunakan khidmat sukarelawan bagi Daerah Brunei Muara adalah Masjid Kampung Sungai Besar, Masjid Kampung Madang, Masjid Hassanal Bolkiah Mentiri, dan Masjid Sultan Sharif Ali. Sementara itu, Daerah Belait pula merangkumi Masjid Muhammad Jamalul Alam, Masjid RPN Kampung Pandan dan Masjid Pekan Seria.

"Saya baru sahaja menyertai Sukarelawan Belia dan telah ditugaskan di Masjid RPN Kampung Pandan. Sejujurnya, saya amat berbesar hati kerana melalui Sukarelawan Belia ini, saya terlibat dan merasai pengalaman sebenar ketika negara kita masih mementingkan prosedur menangani wabak COVID19. Walaupun sumbangan ini hanyalah kecil, tetapi dengan adanya lebih ramai tangan bantuan, ianya akan memberi impak yang besar kepada negara," ujar Faisal bin Osman, salah seorang Sukarelawan Belia di Daerah Belait.



Seperti kelazimannya, tugas para sukarelawan adalah membantu mengendalikan jemaah yang masuk dan keluar masjid dengan penggunaan aplikasi Kod QR Bruhealth, pemeriksaan suhu badan jemaah, memastikan mereka memakai pensanitasi tangan dan sungup muka, keperluan membawa sejada peribadi masing-masing, serta penjagaan penjarakan sosial.

KEMPEN KEBERSIHAN IBU PEJABAT PANDU PUTERI

BRUNEI MUARA - Pada 11hb Oktober 2020, Sukarelawan Belia yang diketuai oleh Mohammad Ashmeer S/O Imtiaz Ahmad, selaku Ketua Pusat Operasi Bahagian Kemasyarakatan Sukarelawan Belia telah melaksanakan Kempen Kebersihan di Ibu Pejabat Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPPBD), yang melibatkan sejumlah tujuh orang tenaga Sukarelawan Belia, tujuh orang daripada Alumni Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam dan sepuluh orang ahli PPPBD. Kempen Kebersihan berkenaan bermula seawal jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari yang melibatkan kerja-kerja pembersihan kawasan tumbuhan pokok-pokok, mengindahkan tanam-tanaman, membuang dan membakar ranting-ranting, menurunkan tangki air dari atas atap dan lain-lain kerja pembersihan di persekitaran ibu pejabat PPPBD. Keberjayaan kempen ini menunjukkan tanda kerjasama yang mesra antara para sukarelawan demi berbakti kepada masyarakat, bangsa dan negara.



CENDERAHATI DARI PIHAK SURAU IBTE



BRUNEI MUARA - Atas sumbangan tenaga Sukarelawan Belia pada 23hb Ogos 2020 lalu dalam Kempen Kebersihan Surau Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Maktab Sultan Saiful Rijal, Sukarelawan Belia telah menerima cenderahati penghargaan daripada Ahli Jawatankuasa Surau pada pagi 17hb Oktober 2020, yang diterima oleh Mohammad Ashmeer S/O Imtiaz Ahmad, selaku Ketua Pusat Operasi Bahagian Kemasyarakatan Sukarelawan Belia, dan diserahkan sendiri oleh Ketua Imam Surau, Awang Md. Helmy bin Haji Jamil. Atas penerimaan cenderahati itu, Sukarelawan Belia mengucapkan ribuan terima kasih bagi penghargaan yang sungguh bermakna, dan menjadi catatan sejarah percapaian Sukarelawan Belia dalam bersama menyumbangkan bakti.

PENYERAHAN SUMBANGAN BUKU-BUKU



BRUNEI MUARA, TUTONG, BELAIT & TEMBURONG - Setelah keberjayaan mengumpulkan lebih 5400 barang dari buku-buku tulis, buku-buku teks, pelbagai buku cerita, beg-beg sekolah dan aneka peralatan tulis, semasa tiga hari penganjuran Kempen Derma Buku dan Alat Tulis di keempat-empat daerah pada 25hb September 2020 hingga 27hb September 2020 lalu, Alhamdullillah Sukarelawan Belia telah melaksanakan pengagihan hasil derma ke sekolah-sekolah empat daerah, yang bermula pada 14hb Oktober 2020 hingga 28hb Oktober 2020.

Sekolah-sekolah yang tersenarai menerima derma adalah mengikut panduan Kementerian Pendidikan untuk simpanan di perpustakaan sekolah-sekolah berkenaan, sebagai bahan bacaan dan keperluan para murid serta pelajar. Bagi Daerah Brunei Muara, sejumlah tujuh buah sekolah rendah, tiga buah sekolah menengah, dan dua buah pusat tingkatan enam telah menerima penyerahan buku, bagi Daerah Tutong merangkumi dua buah sekolah rendah, sebuah sekolah menengah dan sebuah pusat tingkatan enam, Daerah Belait pula hanya empat buah sekolah rendah dan Daerah Temburong hanya tiga buah sekolah rendah, yang keseluruhannya merangkumi sejumlah 23 buah sekolah di seluruh daerah termasuk tiga buah pusat tingkatan enam, menerima derma sumbangan buku-buku.

Sebelum proses penyerahan atau pengagihan, Pihak Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS) telah melaksanakan penapisan buku-buku berdasarkan tiga perkara utama, iaitu (1) mengikut sukanan pembelajaran (*syllabus*), (2) keadaan buku yang masih baik dan sempurna, dan (3) pengisian bahan bacaan bersesuaian untuk peringkat usia pelajar, sama ada kanak-kanak atau remaja. Atas keberjayaan Kempen Derma Pandu Lalu Buku dan Alat Tulis ini, Sukarelawan Belia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang ramai di empat-empat daerah yang sama-sama ikut serta dan memberikan sumbangan sepanjang berlangsungnya kempen ini.



EKSPLORASI SUKARELAWAN BELIA EDISI II



PROJEK PEMEDULIAN MASYARAKAT



BELAIT - Pada 25hb Oktober 2020, Sukarelawan Belia dengan kerjasama Persatuan Warga Emas dan BruManch Society telah menjayakan Projek Pemedulian Masyarakat, yang bertempat di Rumah Panjang Kampong Mandaram Besar Ulu Labi Daerah Belait. Catuan makanan seperti beras, mee, minyak makan, makanan-makanan tin dan air mineral serta pelbagai alat kebersihan telah diserahkan kepada 16 keluarga berkeperluan. Turut hadir menyerahkan sumbangan adalah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Kesukanan), Kolonel (B) Pengiran Haji Maidin bin Pengiran Haji Said.

DARI LENSA KAMERA KE BARISAN HADAPAN

Pengiran Mohammad Al-Nizar bin Pengiran Azahari, atau lebih dikenali dengan panggilan Wak Misai, dikalangan warga Sukarelawan Belia adalah seorang jurugambar bebas mencapai lebih sedekad dibidang seni fotografi. Menurutnya, beliau terdorong menyertai Sukarelawan Belia semasa peringkat awal negara ini diserang pandemik COVID19. Sedar tentang kebahayaan penularan wabak itu yang pantas dan telah melanda jutaan manusia di dunia, Wak Misai telah berfikir pada dua malam berturut-turut untuk berdaftar menjadi salah seorang Sukarelawan Belia, risau antara keselamatan diri dan juga hasrat untuk membantu negara yang pada ketika itu kekurangan tenaga. Dua hari selepas kes pertama COVID19 di Brunei pada 18hb Mac 2020, Wak Misai dengan bertawakal kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala akhirnya memberanikan diri mendaftar nama pada 20hb Mac 2020, demi mencapai misi membantu Kementerian Kesihatan menangani penularan wabak tersebut.

"Hingga ke hari ini, selepas tujuh bulan bersama Sukarelawan Belia, saya hampir setiap hari turun menyumbangkan bakti yang melibatkan kerja-kerja kemasyarakatan, demi negara yang dikasihi. InsyaAllah dengan izin Allah Subhanahu wa Ta'ala sekiranya COVID19 ini berakhir, saya akan terus berjuang dalam aktiviti kesukarelawanan melalui pelbagai cara sumbangan, selagi berdaya mampu menaburkan bakti membawa kebajikan dan kebaikan kepada saudara, masyarakat, bangsa dan negara," ujar Wak Misai bersungguh-sungguh.

Disamping bersiap sedia menjadi barisan hadapan pada bila-bila masa tenaga beliau diperlukan, Wak Misai juga telah dilantik sebagai Ketua Bahagian Unit Media dan Perhubungan Awam Sukarelawan Belia, serta Penolong Operasi Sukarelawan Belia yang bertugas di lapangan terbang tanahair.

"Mungkin dengan menyertai Sukarelawan Belia inilah saya dapat menghulurkan bakti kepada negara sepenuh-penuh keikhlasan hati. Saya amat berbangga menjadi salah seorang Sukarelawan Belia," ucap Wak Misai di penghujung temuramah.



PENYANYI TANAHAIR KE JUANG SUKARELAWAN



Norhidayat bin Haji Ahim, atau terkenal dengan nama Dayat Ahim di pementasan nyanyian tanahair, merupakan salah seorang Petugas Peronda Sukarelawan Belia yang berperanan melaksanakan pemantauan di pusat-pusat kesihatan sekitar Brunei Muara, iaitu lokasi para Sukarelawan Belia bertugas. Antara tugasannya termasuk juga membuat catatan maklumat tugas harian sukarelawan, melaporkan catatan berkenaan ke bahagian pentadbiran, penjagaan tatakerja dan disiplin sukarelawan, menjaga hal ehwal kebajikan dan memastikan kelancaran sukarelawan-sukarelawan yang bertugas.

"Saya terdorong menyertai Sukarelawan Belia atas keinginan untuk membantu meringankan beban para barisan hadapan yang bertugas demi menjaga keselamatan negara. Lebih enam bulan bersama Sukarelawan Belia, keakraban dan persahabatan bersama para sukarelawan pelbagai latar dan usia menjadi pendorong saya masih bertahan hingga ke hari ini. Tambahan lagi, tugas yang dilaksanakan agak seronok, santai dan juga sebagai wadah untuk perjalinan persahabatan, memperluaskan kenalan, serta berinteraksi dengan ramai insan-insan dari pelbagai lapisan masyarakat lebih dekat," jelas Dayat Ahim.

Menurutnya, antara peristiwa berharga adalah apabila dia sendiri turun ke lokasi dan terlibat membantu mengiringi para individu yang melaksanakan tempoh pengasingan diri di hotel. Terutamanya kerja-kerja melibatkan proses pendaftaran masuk dan urusan pendaftaran keluar, iaitu setelah individu-individu berkenaan tamat tempoh pengasingan diri, berdasarkan prosedur Kementerian Kesihatan. Melalui sumbangan tenaga ini, secara tidak langsung telah menanamkan sikap prihatin, serta pemeduli antara sesama sukarelawan, petugas-petugas barisan hadapan dan juga sesiapa sahaja sebalik tabir kelancaran tugas, demi menjaga hal ehwal kesejahteraan bersama.

Di luar bidang nyanyian dan aktiviti kesukarelawanan, Dayat Ahim juga merupakan salah seorang Petugas Perkhidmatan Awam Kerajaan. Justeru itu, sebaik sahaja habis waktu bertugas, beliau akan terus memanfaatkan waktunya untuk berkhidmat bakti bersama Sukarelawan Belia. Sementara lagu popularnya, 'Anggun' sedang berkumandang di radio, dia berbakti untuk masyarakat. Terserlah peribadi penyanyi ini yang tidak kenal erti letih, demi berjuang bersama meringankan sedikit sebanyak keperluan tenaga barisan hadapan.

Begitulah istimewanya Sukarelawan Belia, sama ada kita seorang selebriti, atau petugas Kerajaan, atau sesiapapun kita, di mana ada rasa tanggungjawab dan keprihatinan, di situ lah kita berbakti.

YOUTUBER BERBAKTI MELALUI SENI & KREATIF

Fafi Rahmatillah @ Ahmad Abdul Hadi bin Hj. Md. Ali Al-Hafiz, atau dikenali dengan nama Fasting Bro, adalah Youtuber yang aktif sejak tahun 2015, menggunakan kreativitinya dengan perkhidmatan memandu sekitar Brunei berbicara pelbagai topik semasa, dengan cara penyampaian yang unik dan lucu.

Abdul Hadi berkerjaya sebagai Pengurus Akaun, juga merupakan seorang pemandu teksi sambilan, telah menyertai Sukarelawan Belia sekitar bulan April lalu. Fasting Bro, atau Hadi asalnya bermula dari menemuramah sebalik tabir Sukarelawan Belia untuk pengisian video Youtubenya, dan seterusnya terdorong menyertai Sukarelawan Belia bagi bersama berbakti kepada Negara dan membala sumbangan Kerajaan Brunei, demi kemaslahatan rakyat dan penduduknya.

Melihat kemahirannya di bidang penerbitan dan penyuntingan video, Hadi kemudiannya ditarik ke Bahagian Unit Media dan Perhubungan Awam Sukarelawan Belia, bagi merakamkan peristiwa-peristiwa penting dalam bentuk video tentang sebalik sumbangan bakti Sukarelawan Belia, yang antaranya telah dimuatnaikkan dalam akaun media sosial Sukarelawan Belia. Peranannya bukan sahaja bahagian penyuntingan dan penerbitan, tetapi juga merangkumi aspek kepengarahan dan mengetuai kru video Bahagian Media dan Perhubungan Awam. Salah satu projeknya, termasuklah Wajah Sukarelawan Belia sebagai platform penyampaian maklumat kepada orang ramai tentang perjuangan para sukarelawan.

"Salah satu sumbangan yang dapat saya banggakan adalah apabila terlibat dalam penerbitan video bersempena 100 hari penubuhan Sukarelawan Belia, dan telah menerima ucapan penghargaan daripada Yang Berhormat Mejah Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), secara peribadi atas sumbangan saya itu," ucap Hadi terharu mengimbang detiknya bersama Sukarelawan Belia.

Sehingga ke hari ini, Hadi masih bersama Sukarelawan Belia, mengetuai kru video Bahagian Media dan Perhubungan Awam. Menurutnya, selagi mempunyai keluangan waktu sebalik kariernya, dia akan masih berbakti bersama Sukarelawan Belia memanfaatkan kemahiran seni dan kreativitinya.



KETUA PENTADBIRAN DI USIA MUDA

Muhammad Abdul Wafi bin Haji Sofian, merupakan seorang mahasiswa tahun 2 jurusan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Korporat, di Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur. Menurutnya, semasa negara kita baru dilanda pandemik, ketepatan dia berada di Brunei untuk cuti semester. Pada 17hb Mac 2020, Abdul Wafi telah dihubungi untuk membantu pergerakan Sukarelawan Belia yang ketika itu ditubuhkan dalam masa singkat. Atas kesedaran keperluan tenaga sukarelawan, Abdul Wafi mula berkhidmat pada 18hb Mac 2020, iaitu hari pertama operasinya pertubuhan Sukarelawan Belia yang hanya digerakkan oleh 15 orang sukarelawan.

"Pada mulanya, saya berancang untuk membantu dalam masa tiga minggu sahaja, apakah lagi selaku seorang mahasiswa yang masih belajar. Walaupun belum ada keperluan kembali ke universiti disebabkan pandemik yang melanda, kelas-kelas saya masih bergerak seperti biasa secara online. Namun tanpa dirancang, saya masih disini hingga ke hari ini, iaitu lebih tujuh bulan bersama Sukarelawan Belia," ujar Abdul Wafi, selaku Ketua Pusat Operasi Bahagian Pentadbiran Sukarelawan Belia.

Menurutnya, kepercayaan dan tugasan yang diberikan telah menjadi dorongan semangat dia terus bertahan dalam Sukarelawan Belia. Inilah waktu berharga untuk menabur bakti, demi membala jasa-jasa sumbangan pemimpin tercinta, Kerajaan Baginda dan Negara Brunei yang dikasihi.

"Tambahan lagi, Sukarelawan Belia sudah menjadi seperti keluarga. InsyaAllah, saya akan terus melaksanakan tugas sebaik-baiknya sebelum meneruskan pembelajaran ke Malaysia nanti. Antara tugas saya adalah selaku rangkaian utama beurusan antara setiap bahagian unit Sukarelawan Belia, membuat laporan harian dan bulanan, selaku pengurus tadbir atau jawatankuasa tinggi dalam acara kesukarelawanan

yang berkaitan dengan pentadbiran, membuat mesyuarat bersama ketua operasi dan setiap bahagian unit, selaku wakil utama mengendalikan lawatan-lawatan penting dari kementerian, menyelesaikan pemasalahan-pemasalahan, serta banyak lagi, tanggungjawab saya dalam memastikan kelancaran pergerakan operasi Sukarelawan Belia setiap hari."

Abdul Wafi baru sahaja berusia 20 tahun, tetapi telah melaksanakan satu peranan yang agak penting dalam Sukarelawan Belia. Tanpa pentadbiran yang teratur, sebuah organisasi tidak akan beroperasi dengan baiknya. Kini, disamping sibuk dengan tugas sukarelawan, dia juga sibuk membahagikan waktunya kesukarelawanan dengan pembelajarannya, agar tidak terganggu setiap kelas-kelas online, tugasan universiti serta peperiksaan yang juga dilaksanakan secara online.

"Alhamdullillah, saya rasa berbangga diberikan kepercayaan dalam Sukarelawan Belia. Walaupun usia saya agak muda, saya terharu dapat berkerja dengan mereka yang berlainan latar usia, pengalaman dan kebolehan, serta sikap saling hormat menghormati tanpa menilai atau mempersoalkan kebolehan saya selaku antara ketua pusat operasi yang termuda. Tidak semua belia dapat pengalaman berharga ini dan saya gembira kerana menjadi antara yang terpilih. Setiap percapaian, keberjayaan serta pergerakan Sukarelawan Belia menjadi kebanggaan saya," Ucap Abdul Wafi terharu.



ANTARA BAYANGAN BARISAN HADAPAN



Muhammad Hafizullani Yahaya, atau dikenali dalam Sukarelawan Belia sebagai Hafiz, merupakan seorang sukarelawan turut berperanan penting sejak di awal pertubuhan Sukarelawan Belia. Dia adalah antara tenaga sukarelawan yang berada di sebalik Pusat Operasi Bahagian Unit Pusat-Pusat Pengasingan Hotel Sukarelawan Belia, yang kini telah menjadi Petugas Fokal Pusat Operasi Sukarelawan Belia bagi Daerah Tutong.

"Dorongan utama saya adalah rakan-rakan seperjuang yang mempengaruhi saya secara positif untuk sama-sama berbakti kepada negara, apatah lagi dalam keadaan tenaga sukarelawan diperlukan. Disebabkan rakan seperjuang juga, saya masih bertahan menjadi salah seorang sukarelawan hingga ke hari ini, walaupun ada ketikanya saya ingin berhenti atau berehat. Bagi saya persekitaran yang positif, rakan seperjuang yang bersemangat, dan berdedikasi telah meniupkan semangat sumbanggan bakti dalam diri saya. Tanpa mereka, saya tidak mungkin berada dalam Sukarelawan Belia hingga hari ini," ucap Hafiz ikhlas.

Pada mula-mula menyertai Sukarelawan Belia, Hafiz hanyalah sebagai petugas runner untuk penghantaran makanan dan juga menghantar para sukarelawan yang tidak sempat menaiki bas pelepasan sukarelawan ke pusat-pusat pengasingan hotel. Dia kemudian dilantik menjadi antara Petugas Penghubung (LO) bagi Bahagian Unit Hotel, dan seterusnya selaku Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat Operasi Bahagian Unit Pusat Pengasingan Hotel yang berperanan dari segi pengambilan tenaga sukarelawan, dan juga pemegang talian Pusat Operasi Sukarelawan Belia OPS 4. Sejak pertengahan September, Hafiz kemudian menjadi Petugas Fokal Sukarelawan Belia bagi Daerah Tutong.

"70 peratus masa saya diluangkan untuk tugas-tugas sukarelawan. Selebihnya, untuk pendapatan sambilan, saya menjadi jurugambar perkahwinan. Begitulah aktiviti saya setiap hari. Saya sesungguhnya bangga menjadi salah seorang Sukarelawan Belia kerana melalui sumbangan jasa dan bakti yang kecil ini, saya merasakan umpama berada antara bayangan barisan hadapan."

WARTA BELIA **ورتة بليا**
YOUTH NEWS **SUKARELAWAN BELIA**



KITA BERJUANG BERSAMA

Talian Operasi
Bahagian Pentadbiran
(OPS Pentadbiran)
+673 816 3054

Talian Operasi
Bahagian Kewangan
(OPS Kewangan)
+673 736 3027

Talian Operasi
Bahagian Kemasyarakatan
(OPS Kemasyarakatan)
+673 816 3325

Talian Operasi
Derma Pandu Lalu
(OPS Donation Drive)
+673 816 3461

Talian Operasi
Alumni PKBN
(OPS PKBN)
+673 816 3324

Talian Sekretariat (Daerah Tutong)
+673 741 0051

Talian Sekretariat (Daerah Belait)
+673 714 8781

TALIAN UTAMA OPS
+673 891 3762



+673 891 3762



@sukarelawanbelia.bn